



20 JUN, 2022

Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

KUALA KANGSAR: Tiga lagi Pasar Tani Kekal (PTK) akan dibina masing-masing di Cameron Highlands, Putrajaya dan Kuala Lipis, Pahang tahun ini membolehkan kos kira-kira RM12 juta.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata pembinaan PTK tersebut akan bermula Ogos ini menerusi peruntukan daripada kerajaan

Persekutuan dengan kerjasama kerajaan Negeri.

“Sebelum sesuatu PTK itu dibina, kita akan membuat kajian terperinci yang dilakukan pihak ketiga bagi memastikan projek dilaksanakan itu benar-benar berpotensi dan memberi faedah kepada penduduk sekitar.

“Program ini akan diteruskan sehingga akhir Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) menerusi peruntukan yang

telah diberi,” katanya selepas melawat Projek PTK Kuala Kangsar dan Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong kelmarin.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee, Menteri Besar Perak Datuk Seri Saarani Mohamad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) merangkap Ahli Parlimen Kuala Kangsar

Datuk Mastura Mohd Yazid, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria.

Katanya FAMA menyasarkan nilai jualan kira-kira RM200 juta daripada PTK seluruh negara pada tahun ini dengan jumlah kutipan yang diperoleh setakat Mei ialah sebanyak RM85 juta membolehkan 2,000 peniaga — Bernama



20 JUN, 2022

Tiga lagi Pasar Tani Kekal bakal dibina FAMA tahun ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA KANGSAR: Tiga lagi Pasar Tani Kekal (PTK) akan dibina masing-masing di Cameron Highlands, Putrajaya dan Kuala Lipis, Pahang tahun ini membabitkan kos kira-kira RM12 juta. Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata pembinaan PTK tersebut akan bermula Ogos ini menerusi peruntukan daripada kerajaan

Persekutuan dengan kerjasama kerajaan Negeri.